

SIARAN MEDIA

PROGRAM SARINGAN KESIHATAN 3.0 MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN DAN PRODUKTIVITI GOLONGAN PEKERJA MENERUSI PENCEGAHAN PENYAKIT

PETALING JAYA, 1 JUN – Kementerian Sumber Manusia menerusi agensinya, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) hari ini secara rasminya melancarkan **Program Saringan Kesihatan PERKESO 3.0** yang menawarkan pemeriksaan kesihatan percuma kepada pencarum PERKESO dengan skop ujian kesihatan yang lebih komprehensif.

Perasmian Program Saringan Kesihatan PERKESO 3.0 (HSP 3.0) ini, yang dilaksanakan dengan kerjasama **UEM Edgenta Berhad** (UEM Edgenta), diadakan serentak dengan saringan kesihatan yang disertai oleh pekerja-pekerja UEM Edgenta.

YB Tuan Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah merasmikan HSP 3.0 di satu majlis yang diadakan di UEM Edgenta Learning Centre di sini. Turut hadir adalah **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, Ketua Pegawai Eksekutif PERKESO** dan wakil daripada UEM Edgenta iaitu **Encik Shaiful Subhan, Pengarah Urusan Edgenta Mediserve Sdn Bhd** yang juga **Ketua Penyelesaian Penjagaan Kesihatan UEM Edgenta**, serta **Encik Razman Ismail, Ketua Pegawai Sumber Manusia UEM Edgenta**.

Program HSP 3.0 atau Program Saringan Kesihatan Pasca COVID-19 ini merupakan satu daripada inisiatif perlindungan keselamatan sosial yang diamanahkan Kerajaan kepada KSM menerusi PERKESO di bawah **Belanjawan 2023**. Kerajaan telah memperuntukkan **geran padanan berjumlah sehingga RM70 juta** di bawah Belanjawan 2023 untuk pelaksanaan saringan kesihatan ini.

HSP 3.0 merupakan siri ketiga saringan kesihatan (HSP) yang diperkenalkan PERKESO sejak tahun 2013. Parameter saringan kesihatan dalam HSP 3.0 telah ditambah baik dengan ujian pemeriksaan yang lebih meluas bagi mengesan lebih banyak faktor risiko penyakit tidak berjangkit (*non-communicable diseases*, NCD). HSP 3.0 yang mula ditawarkan sejak **16 Mei 2023** dan akan

berakhir pada **31 Disember 2023**, menasarkankan **lebih 2.2 juta** pekerja berinsurans PERKESO yang berumur 40 hingga 59 tahun, termasuk **mereka yang pernah menjalani HSP sebelum ini**.

“Analisa HSP bagi tahun 2022 mendapati **42 peratus pekerja mengalami masalah obesiti, 14.1 peratus menghidap kencing manis, 27.9 peratus menghidap darah tinggi dan 61.2 peratus mempunyai masalah kolesterol tinggi**. Seperti peribahasa Melayu, *cegah sebelum parah*, jadi pemeriksaan saringan kesihatan dapat membantu individu mengesan penyakit di peringkat awal, seterusnya mengambil langkah mengawal penyakit tersebut dan mengelak komplikasi yang lebih serius yang pastinya akan melibatkan kos rawatan yang sangat tinggi,” kata Tuan Mustapha Sakmud dalam ucapan perasmianya.

Menurut Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman, NCD perlu diberi perhatian khusus kerana ia boleh memberi kesan negatif kepada mata pencarian pekerja kerana NCD yang serius boleh menjejaskan keupayaan individu untuk menjalankan pekerjaan atau menyebabkan kematian awal. “Pekerja merupakan aset utama bagi mana-mana organisasi dalam memacu operasi dan perniagaan. Justeru, tahap kesihatan pekerja amat berkait rapat dengan produktiviti dan laba syarikat,” katanya.

Sementara itu, Encik Shaiful berkata, “Kami bersyukur kerana dapat membantu dan menyediakan akses kepada pemeriksaan kesihatan yang penting melalui program Program Saringan Kesihatan PERKESO 3.0 ini, yang dapat dilakukan kepada seluruh warga kerja UEM Edgenta yang layak. Ini adalah komponen penting dalam rangkaian penjagaan syarikat, untuk memastikan pekerja kami kekal sihat dan produktif.”

“Saya juga berasa amat gembira kerana pada tahun ini, pemeriksaan kesihatan dengan kerjasama PERKESO berlangsung di beberapa tapak projek kami, di mana seramai 470 pekerja telah mengambil bahagian dalam pemeriksaan kesihatan ini dan kami menjangkakan kesinambungan program ini akan diteruskan untuk 2,700 orang pekerja yang layak mengambil bahagian dalam program saringan kesihatan PERKESO ini. UEM Edgenta juga komited untuk melaksanakan saringan kesihatan yang merangkumi semua pekerja UEM Edgenta di seluruh negara sepanjang tempoh tawaran HSP 3.0,” tambah Shaiful.

Menurut statistik PERKESO, seramai **23,174 pencarum** dalam tahun **2022** dilaporkan mengalami **hilang upaya** atau **meninggal dunia** disebabkan oleh NCD. Secara purata, **63 kes** berkaitan NCD dilaporkan kepada PERKESO setiap hari. Oleh itu, saringan kesihatan dan amalan gaya hidup sihat adalah kunci kepada pekerja yang sihat, cergas dan produktif.

Mengenai PERKESO

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ditubuhkan sebagai sebuah jabatan kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia pada 1 Oktober 1971 bagi menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja. Bermula dengan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4), jaringan keselamatan sosial PERKESO telah diperluaskan sehingga kepada golongan suri rumah apabila PERKESO kini mentadbir dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789), Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800) dan Akta Keselamatan Sosial Suri Rumah 2022 (Akta 838).

Dengan rangkaian 54 pejabat di seluruh negara dan disokong oleh lebih 4,000 pekerja, PERKESO yang beroperasi sebagai Badan Berkanun sejak 1985, menyediakan perlindungan sosial kepada lebih 9 juta pekerja. PERKESO telah diamanahkan oleh Kerajaan untuk melaksanakan beberapa inisiatif utama yang disasarkan kepada pekerja dan majikan di bawah beberapa pakej rangsangan ekonomi dan juga belanjawan tahunan termasuk Belanjawan 2023.

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemuliharaan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.

Untuk pertanyaan, hubungi:

PERKESO:

Mohd Wazid Zaidon +6017-619 3181

Hamisah Hamid +6019-383 3605

UEM Edgenta Berhad:

Razliza Azreen +6011-234 5796